

D587

U B410 AAB  
MAHATHIR - ANUGERAH  
DARIPADA ZAINOOR SULAIMAN  
(I)

LONDON, 25 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, SEMALAM DIKURNIAKAN ANUGERAH +FREEDOM OF THE WORSHIPFUL COMPANY OF CARPENTERS.+

SKROL ANUGERAH ITU DISAMPAIKAN OLEH J.G. RIDLEY, YANG MENGETUAI PERSATUAN TUKANG KAYU BRITAIN, PADA SATU UPACARA RINGKAS DI KAWASAN PEJABAT PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA, DI SINI.

MEREKA YANG TURUT HADIR PADA UPACARA ITU IALAH ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, DAN PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE BRITAIN, DATUK MON JAMALUDDIN.

PERSATUAN ITU MENGURNIAKAN ANUGERAH ITU HANYA SEKALI DALAM TEMPOH KIRA-KIRA 20 TAHUN, DAN ANTARA MEREKA YANG PERNAH MENERIMANYA IALAH QUEEN JULIANA DARI BELANDA PADA TAHUN 1951. PERSATUAN ITU DITUBUHKAN KIRA-KIRA 650 TAHUN LEPAS OLEH TUKANG-TUKANG KAYU YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBINA BANGUNAN-BANGUNAN KAYU DI LONDON KETIKA ITU.

PENYAMPAIAN ANUGERAH ITU KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR ADALAH ATAS SYOR DATUK BANDAR LONDON. -- LAGI  
1353MST 25 05 89

D588

U B411 AAB  
MAHATHIR - ANUGERAH 2 LONDON

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK KECIL LAGI BELIAU TELAH MEMINATI PERTUKANGAN DAN MENDAPAT KEPUASAN DARIPADANYA.

+DAN PADA HARI INI, SAYA MENJADIKANNYA TEMPAT UNTUK MENDAPATKAN KEREHATAN,+ KATA BELIAU DAN MENAMBAH BAHAWA TIDAK ADA YANG LEBIH DISUKAINYA DARIPADA MELUPAKAN SEBENTAR KESIBUKAN TUGASNYA DALAM KERAJAAN DAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA BENGKELNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HASIL PENGALAMANNYA, PENTADBIRAN NEGARA JUGA MEMERLUKAN SEGALA CIRI YANG HARUS ADA DALAM PERTUKANGAN -- KOMITMEN INDIVIDU DAN KEGIGIHAN, KETELITIAN, BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN DAN KEPUASAN TERHADAP HASIL KERJA.

KATANYA, DI MALAYSIA, RAKYATNYA CUBA MENERAPKAN NILAI-NILAI ITU KE DALAM DIRI ANAK-ANAK MEREKA. +KAMI MAHUKAN SETIAP KANAK-KANAK SEBOLEH-BOLEHNYA MEMPUNYAI KEMAHIRAN TERTENTU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA DALAM ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOGI INI, TERDAPAT KECENDERUNGAN UNTUK MELETAKKAN NILAI YANG TERLALU TINGGI KEPADA JENTERA DAN MEMBERI PENILAIAN YANG RENDAH KEPADA KEMAHIRAN INDIVIDU.

BELIAU GEMBIRA MELIHAT ADANYA KECENDERUNGAN UNTUK MELETAKKAN SEMULA NILAI KETUKANGAN DI TEMPAT YANG TINGGI. -- BERNAMA  
1355MST 25 05 89